Menyapu Penggalak Susu

1. Goncang botol CPOplus sampai kandungannya sebati sebelum membukanya.
2. Gunakan berus cat ¾ inci untuk menyapukan lebih kurang 1 gram CPOplus pada jalur pertama lebih kurang 30 cm panjang dan 2 cm lebar itu di bahagian atas pemandu lateks.
3. CPOplus akan disapukan hanya sekali sebulan, dan hanya pada jalur yang belum ditusuk kira-kira 2.5 cm di atas jalur yang telah ditusuk.
4. Selepas sebulan, jalur yang telah ditebuk akan diabaikan, dan perangsang akan disapukan pada jalur di atasnya sebagai penyediaan untuk aktiviti tebukan bulan depan.

Aktiviti Tebukan

1. Mulakan tebukan 24 jam selepas CPOplus telah disapukan
2. Alat tebukan khas direka dengan penembusan jarum yang boleh dilaraskan supaya tidak menembusi kambium pokok.
3. Gunakan alat tebuk ini untuk menebuk 4 lubang di jalur yang disapu perangsang.
4. Tebukan kemudian kali, tebuk 1 cm jauh dari lobang yang sebelumnya
5. Aktiviti tebukan adalah berdasarkan jadual D-3, iaitu untuk membuat tebukan sekali setiap 3 hari, jadi lebih kurang 10 kali sebulan.
6. Pengaliran lateks optima selepas 3 bulan, iaitu selepas kali ketiga penggunaan CPOplus

Direka @ ***CPOplus Innovation Sdn Bhd*** *dengan kerjasama* ***Pertubuhan Pekebun-Pekebun Kecil Bersatu Sabah*** **(USAHA)**

Angular Puncture Tapping

(PENOREHAN TEBUKAN MENCONDONG)
Satu kaedah baru penorehan intensiti rendah

Kerja-Kerja Permulaan

1. Kikis kulit pokok yang kering (12" tinggi x 10 lebar" - untuk tebukan selama 10 bulan
2. Memasang plat logam - sekali setahun. (Plat logam boleh diguna semula dan dipindahkan ke lokasi baru)
3. Sapu penggalak CPOplus - sekali sebulan

Kelebihan Kaedah Ini

1. Lebih cepat - tebuk dan terus jalan ke pokok yang lain
2. Lebih banyak pokok diusahakan setiap pajakan
3. Boleh tebuk semasa kulit pokok basah
4. Pokok tua/kulit buruk - sama cepat
5. Kerja ringan, sesuai untuk warga emas
6. Tidak perlu kemahiran menoreh tradisional
7. Elak kecederaan dari kemalangan pisau

Hubungi kami: 011 3762 5698; 011 3389 1129; 010 943 3369
atau emel tebukdankumpul@gmail.com

Alat-alatan

Penggalak CPOplus



Plat zinc

Alat penebuk





Memasang panduan lateks

1. Dua keping plat zinc akan diletakkan secara bersiri pada sudut 30 darjah dari horizontal. Dengan sebatang kayu, ketukkan dengan ringan plat zinc ke dalam kulit pokok.
• Sudut dan darjah kecondongan pemandu lateks ini boleh dilaraskan untuk mengikut bentuk kontur batang pokok.
• Plat zinc yang ketiga akan diletakkan dibawah siri berdua sebelum ini, di arah yang bertentangan.
2. Letakkan sudu lateks di bawah plat zinc yang ketiga dengan sedekat mungkin. Kepingan-kepingan logam ini akan memandu aliran susu getah ke dalam cawan getah dengan sendiri.
3. Ujikan aliran susu getah dengan membuat satu tusukan di sudut kiri di atas plat zinc yang pertama. Perhatikan aliran getah dan gunakan tanah liat untuk menyumbat sebarang kebocoran yang berlaku. Tanah liat dan susu getah yang mengeras akan memastikan susu getah akan mengalir sendiri dengan betul di masa depan.

Memasang perisai hujan (jika perlu)

1. Tiga lagi kepingan plat zinc akan diletakkan di atas kawasan kulit pokok yang telah dibersihkan. Gunakan darjah kecondongan yang sama. Ketiga-tiga kepingan logam ini patut diletakkan supaya lebih panjang daripada kepingan-kepingan logam untuk panduan lateks dibawahnya supaya air hujan tidak termasuk aliran lateks.
2. Pastikan tiada kebocoran dengan menusuk kulit pokok di sudut kiri atas plat zinc. Gunakan tanah liat untuk menyumbat apa-apa kebocoran yang diperhatikan.
3. Pasangkan tirai hujan di atas plat zinc dengan pin atau pin stapler.

Direka @ ***CPOplus Innovation Sdn Bhd*** *dengan kerjasama* ***Pertubuhan Pekebun-Pekebun Kecil Bersatu Sabah*** **(USAHA)**